

Anwar diiktiraf tokoh Muslim ke-10 paling berpengaruh di dunia

Kenaikan cermin pengiktirafan kepimpinan PM serta kedudukan Malaysia pada peringkat global

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dinamakan sebagai Tokoh Muslim ke-10 Paling Berpengaruh dalam buku *The World's 500 Most Influential Muslims* edisi 2026 diterbitkan Pusat Kajian Strategik Diraja Islam (RISSC) Jordan.

Kenaikan Anwar ke tangga ke-10 daripada kedudukan ke-15 tahun lalu (2025) dalam kategori sama mencerminkan pengiktirafan antarabangsa terhadap kepimpinannya serta kedudukan Malaysia di peringkat global.

Dalam penerbitan buku itu, Anwar disenaraikan di antara 50 tokoh Muslim paling berpenga-

ruh di dunia, bersama-sama tokoh lain seperti Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani yang menduduki tempat pertama; Raja Arab Saudi, Raja Salman bin Abdul-Aziz Al-Saud (ke-lapan) dan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto (15).

Ahli politik berpengaruh

RISSC turut mencatatkan bahawa Anwar berada di tangga ketujuh dalam kategori pemimpin Islam dan ahli politik paling berpengaruh di dunia, naik daripada tempat kesembilan tahun lalu, mengatasi Prabowo (10) dan Presiden Mesir Abdel Fattah Saeed Al-Sisi (13).

Penilaian itu dibuat berdasarkan pengaruh tokoh Muslim, yang didefinisikan sebagai kemampuan untuk membawa perubahan ketara dalam dunia Islam atau dalam kalangan umat Islam sama ada dari aspek budaya, ideologi, kewangan, politik atau bidang lain, dengan impak dilihat sebagai positif atau negatif bergantung perspektif.

Dalam pengenalan ringkas mengenai Anwar, penerbitan itu menyatakan bahawa Perdana Menteri

memainkan peranan penting dalam meredakan ketegangan antara Thailand dan Kemboja susulan beberapa hari pertempuran sempadan serta lantang bersuara mengenai perjuangan rakyat Palestin menghadapi kekejaman Israel.

"Anwar membantu membina kepercayaan antara Bangkok dan Phnom Penh, mengukuhkan imej Malaysia sebagai pengantara keamanan yang konstruktif di Asia Tenggara. Sementara itu, beliau juga penyokong tegas hak Palestin untuk menentang pendudukan.

"Perjumpaannya dengan pegawai Hamas (termasuk pemimpin Hamas yang dibunuh, Ismail Haniyeh) mendapat kritikan daripada Amerika Syarikat.

"Catatan beliau di media sosial yang menzahirkan ucapan takziah selepas pembunuhan Ismail Haniyeh telah dipadam, mendorong beliau menyatakan: *'Biarlah ini menjadi mesej jelas dan tegas kepada Meta: hentikan sikap pengecut ini dan berhenti bertindak sebagai alat rejim Zionis Israel yang menindas,'* menurut penerbitan berkenaan.

BERNAMA